

ISU DAN CABARAN ZAKAT PERNIAGAAN: KAJIAN DI NEGERI JOHOR

Mohamad Zaki Razaly

UiTM Cawangan Johor, Malaysia

moham694@johor.uitm.edu.my

Mohd Zainodin Mustaffa

UiTM Cawangan Johor, Malaysia

mohdz334@johor.uitm.edu.my

Munirah Binti Zakaria

UiTM Cawangan Johor, Malaysia

munirah188@johor.uitm.edu.my

Mahasin Binti Saja @ Mearaj

UiTM Cawangan Johor, Malaysia

mahas220@johor.uitm.edu.my

Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil

UiTM Cawangan Johor, Malaysia

sitia833@johor.uitm.edu.my

ABSTRAK

Pelaksanaan ibadah zakat merupakan manifestasi pengabdian manusia terhadap Allah SWT bagi menyucikan jiwa manusia daripada sifat tamak dan mementingkan diri sendiri. Secara tidak langsung, zakat merupakan mekanisme untuk merapatkan jurang kekayaan dan sosial antara golongan kaya dan miskin. Objektif tersebut dapat dipenuhi dengan pengurusan kutipan dan agihan zakat yang efektif dan sistematik. Sejak sekian lama, zakat perniagaan menjadi penyumbang terbesar kutipan zakat di Malaysia. Namun, jumlah kutipan yang besar tidak melambangkan pematuhan yang holistik terhadap kewajipan membayar zakat perniagaan dalam kalangan peniaga dan pemilik syarikat yang beragama Islam. Data pungutan zakat perniagaan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor menunjukkan hanya peratusan kecil daripada keseluruhan pemilik syarikat Muslim menunaikan kewajipan zakat perniagaan. Justeru kajian ini akan menyingkap isu dan cabaran dalam pelaksanaan zakat perniagaan di Negeri Johor. Antara isu dan cabaran yang dikenalpasti termasuklah ketiadaan rebat cukai perniagaan, kelonggaran dalam peruntukan Undang-Undang berkenaan zakat perniagaan iaitu di bawah Seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor serta kekeliruan berhubung kewajipan zakat perniagaan ke atas syarikat atau pemilik syarikat. Jika, isu dan cabaran ini dapat ditangani, maka saiz dana zakat akan berkembang seterusnya memastikan kemaslahatan umat Islam terus terpelihara.

Kata Kunci: Zakat, Undang-Undang, Perniagaan & Syarikat

Pendahuluan

Zakat merupakan ibadah yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas umat Islam yang mukallaf serta telah memenuhi syarat-syarat bagi mengeluarkan sebahagian daripada hartanya untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya. Istilah 'zakat' disebut selepas perkataan 'solat' sebanyak 27 kali dalam al-Quran menggambarkan signifikan pelaksanaannya oleh umat Islam (al-Qaradhawi, 2000). Jika solat merupakan simbol kesyukuran manusia kepada Allah SWT yang ditonjolkan melalui perkataan dan perbuatan, maka zakat adalah simbol kesyukuran manusia yang ditonjolkan melalui perkongsian harta dan kekayaan. Justeru, pelaksanaan zakat merupakan tanda keimanan dan keikhlasan manusia kepada Allah SWT.

Ibadah zakat menyucikan jiwa manusia daripada sifat-sifat mazmumah lalu menyuburkannya dengan sifat-sifat mahmudah. Implikasi positif zakat dapat dilihat apabila pelaksanaannya merapatkan hubungan di antara golongan kaya dan miskin. Firman Allah SWT:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui" (al-Tawbah: 103).

Kegagalan umat Islam menunaikan ibadah zakat dengan sengaja merupakan manifestasi rapuhnya iman dalam diri mereka lantas mengundang kemurkaan Allah SWT serta dijanjikan azab dan seksa yang pedih di akhirat kelak. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT di dalam firmanNya yang bermaksud:

"..... Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam Neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu" (al-Tawbah: 34-35).

Hal ini bukan sahaja disebut dalam al-Quran, bahkan Nabi SAW telah memberikan peringatan kepada kita akan akibat terhadap mereka yang tidak menunaikan ibadah zakat melalui sabdaNya yang bermaksud:

"Sesiapa yang dikurniakan Allah SWT dengan sesuatu harta tetapi tidak mengeluarkan zakat, diumpamakan hartanya itu kepadanya pada hari kiamat kelak dalam bentuk seekor ular berkepala botak, yang mempunyai dua tanda hitam di atas hidungnya yang akan mematuknya, kemudian ular itu menangkap dengan dua rahangnya lalu berkata: Sayalah harta anda, Sayalah harta anda.....".

(al-

Bukhari, 1980)

Keengganan manusia untuk memenuhi tuntutan Allah SWT untuk mengeluarkan zakat adalah satu bentuk kezaliman dengan menafikan hak yang sepatutnya dimiliki oleh orang yang berhak menerimanya. Hal ini berlaku apabila manusia meletakkan kepentingan duniawi mengatasi segalanya tanpa menyedari bahawa harta kekayaan merupakan amanah daripada Allah SWT kepada manusia untuk diuruskan dengan cara yang telah ditetapkan olehNya.

Pensyariatan Zakat Perniagaan

Majoriti fuqaha' bersepakat bahawa zakat perniagaan merupakan suatu tanggungjawab yang wajib ditunaikan ke atas mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan (al-Zuhayli, 2002). Antara dalil pensyariatan zakat perniagaan, seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kalian” (al-Baqarah: 267).

Menurut Imam al-Tabari seperti yang dinyatakan di dalam tafsirnya bahawa turunnya ayat di atas berkait langsung dengan kewajipan zakat perniagaan, bahkan ini juga merupakan pandangan daripada Mujahid (al-Tabari, 1954). Pendapat ini juga disokong oleh Imam al-Jassas (1992) dan Imam al-Razi (1981) bahawa zahir ayat di atas secara jelasnya menunjukkan kewajipan zakat ke atas harta yang diusahakan oleh manusia, maka termasuklah dalam kewajipan tersebut zakat perniagaan serta zakat emas dan perak.

Dari Samurah bin Jundab: “Nabi SAW memerintahkan kami untuk mengeluarkan sedekah dari barang yang kami sediakan untuk perniagaan” (Abu Daud, 2004 & Baihaqi, 2003).

Menurut Syeikh Dr Yusuf al-Qaradhawi (2000), hadith di atas merujuk kepada kewajipan zakat perniagaan kerana ia disampaikan dalam bentuk kata perintah, dan kaedah usul ada menyebutkan “Asal bagi suatu perintah itu adalah wajib”. Hal ini dikuatkan lagi dengan pernyataan di dalam kitab *Majmu' Fatawa* yang menyebutkan: “Empat Imam mazhab muktabar dan seluruh umat Islam kecuali yang bersikap aneh, sepakat adanya kewajipan zakat perniagaan, sama ada peniaga itu mukim atau musafir” (Ibn Taymiyyah, 2005).

Permasalahan Kajian

Umumnya, tanggapan masyarakat terhadap Majlis Agama Islam Negeri berkaitan dengan isu kutipan zakat perniagaan adalah kurang memuaskan sejak sekian lama. Saban tahun, prestasi Majlis Agama Islam Negeri sebagai badan yang berautoriti dalam hal ehwal kutipan dan agihan zakat terus dinilai oleh masyarakat. Walaupun zakat perniagaan merupakan ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT ke atas umat Islam, namun prestasi kutipannya tidak menunjukkan indikasi yang jelas akan kepatuhan umat Islam di Malaysia dalam mematuhi kewajipan ini secara menyeluruh. Menurut Ahmad Radzuan (2006), pada tahun 2004, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaporkan kutipan cukai daripada sektor perniagaan menyumbang 50% daripada keseluruhan kutipan cukai bagi tahun tersebut. Kenyataan ini pada hakikatnya bertentangan dengan laporan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah

Persekutuan yang merekodkan kutipan zakat pendapatan adalah 381% lebih besar berbanding zakat perniagaan. Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana zakat perniagaan mempunyai potensi kutipan yang lebih besar berbanding zakat pendapatan (Haliza Md Arif et al, 2011).

Analisa daripada beberapa kajian yang telah dilakukan, Wilayah Persekutuan mencatatkan hanya 10% sahaja daripada keseluruhan 5000 entiti perniagaan yang layak membayar zakat perniagaan berbuat demikian kepada Pejabat Zakat (Abdul Rahman, 2005). Hal ini juga pernah dibangkitkan oleh Akhbar Utusan Malaysia di dalam laporannya bahawa 80% daripada entiti perniagaan di Malaysia tidak menunaikan kewajipan zakat perniagaan (Mohd Helmi, 2002). Kelemahan dalam aspek kutipan zakat perniagaan dapat disimpulkan daripada statistik-statistik berikut:

Jadual 1: Statistik Jumlah Syarikat & Perniagaan yang Berdaftar dengan SSM

TAHUN	SYARIKAT TEMPATAN*	PERNIAGAAN
2008	836,949	3,778,129
2009	878,527	4,090,710
2010	922,675	4,362,124
2011	968,083	4,646,722
2012	1,013,449	4,971,483

*Syarikat asing tidak diambil kira

Sumber: Web Rasmi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) <http://www.ssm.com.my/statistik>

Jadual 2: Statistik Jumlah Syarikat & Perniagaan yang Berdaftar dengan SSM

TAHUN	HASIL CUKAI (Billion)	CUKAI SYARIKAT (Billion)
2008	90.65	46.90
2009	88.40	40.27
2010	86.50	43.80
2011	109.61	55.08
2012	124.89	59.30

Sumber: Laporan Tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Jadual 3: Statistik Kutipan Zakat Perniagaan Negeri-Negeri di Malaysia

TAHUN	HASIL ZAKAT (Juta)
2007	191.44
2008	260.28
2009	277.49
2010	301.78
2011	389.92

Sumber: Laporan Zakat Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah & Sarawak.

Jadual 4: Statistik Kutipan Zakat Perniagaan vs Cukai Perniagaan

TAHUN	ZAKAT PERNIAGAAN (Billion)	CUKAI SYARIKAT (Billion)
2008	0.26	46.90

2009	0.27	40.27
2010	0.30	43.80
2011	0.38	55.08

Jadual 5: Statistik Kutipan Zakat di Negeri Johor Mengikut Kategori

JENIS	KUTIPAN 2008 (RM)	KUTIPAN 2009 (RM)	KUTIPAN 2010 (RM)	KUTIPAN 2011 (RM)	KUTIPAN 2012 (RM)
Pendapatan	27,764,987.78	34,073,128.97	37,933,212.64	46,697,827.16	51,618,948.47
Simpanan	27,405,687.66	27,621,063.90	33,256,922.71	35,656,177.27	44,377,602.41
Perniagaan	33,373,484.91	34,012,220.66	37,144,115.67	40,416,382.54	59,649,645.22
Emas/Pera k	169,443.83	173,850.22	251,198.39	357,960.73	724,963.10
Saham	287,495.97	300,237.49	375,241.51	499,523.26	582,655.76
Ternakan	117,140.00	134,223.60	159,376.00	194,856.06	209,074.00
Tanaman	60,458.11	73,841.60	74,166.13	113,539.16	112,830.03
Galian	2,550.00	930.00	878.95	2,300.00	2,552.00
Jumlah	89,181,248.26	96,389,496.27	109,201,978.30	123,938,566.18	157,278,270.00
Fitrah	11,556,291.50	12,838,630.00	13,140,920.00	13,531,175.00	14,661,126.70
JUMLAH	100,737,539.76	109,228,126.27	122,342,898.30	137,469,741.18	171,939,396.70

Sumber: Laporan Kutipan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor

Menurut Majlis Agama Islam Negeri Johor, pada tahun 2012 terdapat 461,141 entiti perniagaan di Negeri Johor dan 19% daripadanya iaitu sebanyak 87,617 adalah dimiliki oleh pemilik Muslim. Daripada jumlah tersebut, hanya 3983 membayar zakat perniagaan atau 4.5%. Justeru, ia menunjukkan peratusan yang sangat kecil bagi pembayaran zakat perniagaan di Negeri Johor. Lantas, apakah faktor-faktor yang menyebabkan hal ini berlaku?

Isu Kutipan Zakat Perniagaan di Negeri Johor

Terdapat beberapa isu yang sangat penting untuk dibahaskan demi melonjakkan kutipan zakat perniagaan di Negeri Johor khususnya dan Malaysia amnya. Isu yang paling penting perlu diketengahkan adalah berkaitan dengan ketiadaan rebat cukai perniagaan. Walaupun Majlis Agama Islam Negeri telah berusaha sedaya mungkin untuk memberikan kesedaran dan maklumat berhubung kewajipan zakat perniagaan, namun impaknya tidaklah begitu besar. Kenyataan ini dosokong oleh kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman (2005):

“Jika Kerajaan Persekutuan membenarkan syarikat yang membayar zakat perniagaan mendapatkan rebat daripada tanggungan cukai mereka, ini akan meringankan beban kewangan mereka. Tambahan lagi, rebat cukai akan menjadi satu insentif kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pemilik Muslim yang tidak menunaikan zakat perniagaan sebelum ini untuk berbuat demikian”.

Menurut Akta Cukai Pendapatan 1967, hanya individu dibenarkan memohon rebat cukai pendapatan daripada jumlah zakat yang telah mereka bayar. Akta ini tidak terpakai kepada syarikat dan entiti korporat. Kekangan perundangan ini menyebabkan kebanyakan syarikat memilih untuk membayar cukai berbanding zakat perniagaan berbanding syarikat yang majoriti sahamnya dimiliki oleh non-Muslim yang hanya perlu membayar cukai syarikat sahaja. Walaupun kerajaan memberikan 2.5% rebat cukai ke atas pendapatan agregat, namun ia dilihat sebagai sesuatu yang tidak praktikal kerana metod pengiraan zakat perniagaan adalah berdasarkan aset tetap bukannya pendapatan agregat.

Berbanding zakat perniagaan, Kerajaan memberikan 10% rebat cukai terhadap ‘Tanggungjawab Sosial Korporat’ (CSR) ataupun derma yang dilaksanakan oleh entiti korporat. Hal ini tidak wajar kerana keutamaan rebat cukai seharusnya diberi keutamaan kepada pembayar-pembayar zakat perniagaan kerana ini merupakan ibadah yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas umat Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah ‘Tanggungjawab Sosial Korporat’ (CSR) mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding zakat perniagaan. Hal ini dipercayai berlaku disebabkan kebimbangan Kerajaan jika rebat cukai diberikan kepada pembayar zakat perniagaan, maka ia akan memerikan kesan negatif kepada pendapatan hasil cukai negara. Bahkan, mungkin sebahagian besar syarikat-syarikat Muslim akan memberikan keutamaan untuk membayar zakat perniagaan untuk mendapatkan rebat cukai maksima yang akan menyebabkan penurunan drastik pendapatan Kerajaan.

Isu kedua yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan peruntukan undang-undang kutipan zakat perniagaan yang agak longgar sehingga membuka ruang kepada mereka yang enggan melaksanakannya bebas begitu sahaja. Walaupun zakat merupakan ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT, namun sebilangan besar lebih terdorong melaksanakannya apabila ia disokong oleh undang-undang (Sanep Ahmad & Zulkifli, 2010). Bahkan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam muzakarahnya kali ke 31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membuat keputusan diwajibkan zakat ke atas syarikat perniagaan yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan¹. Namun, sehingga kini prestasi kutipan zakat perniagaan masih belum dapat dibanggakan.

Undang-undang pembayaran zakat disebutkan dalam Seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor yang menyatakan bahawa “*Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana orang lain yang diberikuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya*”.

¹ Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 31. Zakat ke atas Syarikat. Dilihat pada 10/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>

Namun begitu, Seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor tidak membuat sebarang pentafsiran terhadap istilah 'orang' sama ada ia merangkumi syarikat, perkongsian atau sebagainya. Ini menyebabkan Seksyen 16 daripada Enakmen ini boleh dicabar oleh syarikat yang tidak membayar zakat perniagaan sekiranya mereka dihadapkan ke mahkamah. Justeru, peruntukan dalam Seksyen 16 ini bersifat umum dan tidak spesifik dalam menjelaskan kewajipan membayar zakat perniagaan oleh syarikat.

Sebagai perbandingan, jika kita merujuk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 Seksyen 114, ia menyatakan "*Mana-mana orang yang dengan sengaja dan dengan niat untuk melarikan atau membantu mana-mana orang lain untuk lari cukai.....adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah, di atas sabitan kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan hendaklah membayar suatu penalti khas sebanyak tiga kali ganda amaun cukai yang telah terkurang dikenakan akibat kesalahan itu atau yang telah terkurang dikenakan jika kesalahan itu tidak dikesan*". Namun, pada Seksyen 2 daripada akta yang sama telah dijelaskan maksud 'orang' adalah termasuk syarikat, kumpulan orang-orang dan perbadanan perseorangan. Dengan tafsiran ini, maka tindakan undang-undang dapat diambil terhadap syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga yang enggan membayar cukai.

Isu ketiga berkaitan kekeliruan terhadap pihak yang diwajibkan zakat perniagaan ke atasnya, iaitu sama ada zakat perniagaan diwajibkan ke atas syarikat atau ke atas pemilik syarikat. Jika kita merujuk kepada teks fatwa zakat perniagaan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia:

*"Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Dec 1992 telah membincangkan Zakat Ke Atas Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa syarikat perniagaan adalah diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut....."*².

Justeru, istilah yang digunakan dalam teks fatwa adalah 'syarikat perniagaan' merupakan pihak yang diwajibkan ke atasnya membayar zakat perniagaan. Walaupun begitu, di Malaysia apabila sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, maka pelaksanaannya menurut undang-undang adalah sebagai entiti yang terpisah (Separate Legal Entity). Maka ia boleh dianggap sebagai individu yang boleh memulakan saman atau disaman, boleh menjadi pemilik ke atas harta serta entiti yang terpisah daripada pemilik dan pemegang saham (Zainal A Zuryati, 2009).

Apabila Majlis Fatwa Kebangsaan mewajibkan zakat perniagaan ke atas syarikat yang memenuhi syarat-syarat, antaranya perniagaan yang dimiliki oleh Muslim yang merdeka, sempurna pemilikan, serta cukup haul dan nisab, persoalan yang timbul, adakah syarat-syarat tersebut dikenakan ke atas syarikat atau pemilik syarikat? Ini disebabkan zakat merupakan ibadah yang diwajibkan ke atas manusia yang mukallaf sepertimana ibadah-ibadah yang lain seperti solat dan puasa. Merujuk kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-60 yang bersidang pada 23 Oktober 2003 telah membincangkan Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

² Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 31. Zakat ke atas Syarikat. Dilihat pada 10/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>

“Memandangkan ANGKASA mempunyai pendapatan sendiri walaupun tiada pegangan saham atau kepentingan individu di dalamnya, ANGKASA sendiri boleh diiktiraf sebagai sebuah syarikat muslim dan ia boleh dianggap sebagai syakhsiah maknawiyah atau i’tibariyyah dalam penentuan zakat. Justeru, ANGKASA sebagai syakhsiah i’tibariah (dianggap sebagai seorang individu) wajib mengeluarkan zakat daripada keuntungan bersih kegiatan perniagaannya itu sebanyak 2.5% sebagai zakat perniagaan”³.

Justeru, jika sesebuah syarikat dianggap sebagai ‘individu’ yang wajib membayar zakat, maka ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual 9 yang menyatakan bahawa:

“.....pewarisan berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecahmilik dan amanah bukan khairat, wakaf..... Zakat, Fitrah dan Baitulmalpenghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yangmenganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan....” (Perlembagaan Persekutuan, Pindaan 2009).

Justeru, dalam hal ehwal amalan-amalan Islam seperti zakat, wakaf dan sebagainya menurut Perlembagaan Persekutuan ia hanya dilaksanakan ke atas orang yang menganut agama Islam sahaja. Oleh itu, mewajibkan zakat ke atas entiti syarikat adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dengan anggapan ia merupakan individu atau manusia. Apatah lagi, jika dilihat dari perspektif undang-undang, berlaku percanggahan kuasa disebabkan syarikat perniagaan tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 yang di luar bidang kuasa Negeri dan Mahkamah Syariah.

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa, di sebalik setiap syarikat itu adalah manusia, merupakan pendapat yang kurang tepat kerana kadangkala pemegang saham (shareholder) terdiri daripada institusi korporat seperti KWSP, Tabung Haji, FELDA dan sebagainya. Jadi bagaimanakah kita dapat menisbahkan syarat Islam kepada institusi-institusi tersebut. Pengecualiannya hanya kepada pemegang saham daripada institusi milik kerajaan sepenuhnya dengan ertikata semua modal syarikat adalah daripada kerajaan dan tidak ada pemilik atau pemegang saham dari kalangan individu perseorangan atau syarikat swasta, maka zakat tidak dikenakan terhadap harta kerajaan. Majoriti ulama’ daripada kalangan Hanafiyah, Malikiyah, Syafi’iyah dan Hanabilah berpandangan bahawa tidak diwajibkan zakat terhadap harta milik kerajaan yang dijadikan pelaburan dan menjana keuntungan⁴.

Jika syarikat dianggap sebagai seorang individu, persoalan yang perlu dijawab juga, adakah syarikat wajib membayar zakat perniagaan ke atas dirinya sendiri atau pemegang saham? Bahkan,

³Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 60. Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA). Dilihat pada 16/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-angkatan-koperasi-kebangsaan-malaysia-angkasa>

⁴Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 101. Status Kewajipan Zakat ke atas Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). Dilihat pada 20/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kewajipan-zakat-ke-atas-syarikat-pelaburan-hartanah-berhad-phb>

berkenaan kewajiban membayar zakat perniagaan, adakah ia dibayar melalui pendapatan yang dimiliki oleh syarikat atau pun pendapatan pemilik syarikat atau pemegang saham. Logikanya, jika syarikat wajib membayar zakat bagi pihak pemegang saham (shareholders), maka sudah tentu syarikat juga wajib menanggung dan membayar segala hutang yang ditanggung oleh pemegang-pemegang saham. Sekiranya zakat perniagaan dibayar oleh syarikat bagi pihak pemegang saham (shareholders), berkemungkinan juga akan berlaku zakat berganda terhadap pemegang saham ke atas pendapatan mereka melalui zakat pendapatan.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara umumnya, isu-isu yang ditimbulkan merujuk kepada 'lacuna' dalam aspek perundangan berkenaan hal ehwal zakat perniagaan berdasarkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor. Justeru, ia perlu kepada penambahbaikan agar keberkesanan kutipan zakat perniagaan khususnya di Negeri Johor dapat dipertingkatkan, seterusnya memberi manfaat yang besar kepada asnaf yang layak menerimanya.

Kerajaan perlu menyemak semula polisi berkaitan rebat cukai terhadap pembayar zakat perniagaan. Ketiadaan rebat cukai ini, menyebabkan sebahagian besar entiti perniagaan culas dalam menunaikan zakat perniagaan. Ini disebabkan bebanan ke atas mereka yang seolah-olah terpaksa membayar cukai berganda. Seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor perlu menambah pentafsiran 'orang' seperti yang disebut dalam Seksyen 16 supaya ia merangkumi syarikat, perkongsian atau sebagainya. Tafsiran yang bersifat menyeluruh akan memastikan peniaga dan pemilik syarikat tidak memandang enteng kewajiban membayar zakat perniagaan kepada amil yang dilantik oleh Ulil Amri. Hakikat kefardhuan zakat perniagaan adalah ke atas manusia yang mukallaf. Justeru, zakat perniagaan sepatutnya dikenakan berdasarkan 'shared capital' atau pegangan saham syarikat yang dimiliki oleh pemilik-pemilik syarikat (Zuhayli, 2002), bukan ke atas pendapatan syarikat agar tidak berlaku masalah zakat berganda. Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri pula handaklah mengeluarkan fatwa yang bersifat menyeluruh dan jelas serta diwartakan ia, agar menyokong pematuhan terhadap Seksyen 16 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Dari segi siyasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Akhirnya, jika kutipan zakat perniagaan dapat dioptimalkan, sudah tentu ia dapat menyelesaikan banyak masalah ummah seperti membasmi kemiskinan, mengurangkan kadar jenayah, memangkin pembangunan modal insan serta mengangkat kedudukan ekonomi umat Islam.

Rujukan

Al-Quran

Abdullah Ibrahim et all (2012). *Assessing Financial Reporting on adopting Business Zakat Guidelines on Malaysian Government Linked Companies*. International Journal of Business and Social Science. Vol 3. No 24.

Abdul Rahim, Abdul Rahman (2005). *"Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat"*. Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia. Bil. 1. Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia.

- Abu Dawud, Sulaiman (2004). *Sunan Abi Dawud*. Tahqiq: Nasr al-Din al-Bani. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Ahmad Radzuan, G. (2006). *Kepatuhan Zakat Perniagaan di Kalangan Kontraktor Perniagaan Tunggal Pulau Pinang: Satu Cadangan Kajian*. Persidangan Siswazah ISDEV II. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- Al-Baihaqi, Ahmad Bin Hussain (2003). *Sunan al-Kubra Li al-Baihaqi*. Tahqiq: Muhammad Abdul Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail (1980). *Al-Jami' al-Sahih*. Tahqiq: Muhib al-Din al-Khatib & Muhammad Fuad Abdul Baqi. Kaherah: Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Jassas, Ahmad Bin Ali (1992). *Ahkam al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Sadiq al-Qamhawi. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Nawawi, Abi Zakariya (1970). *Kitab al-Majmu'Syarh al-Muhazzab Li Syirazi*. Tahqiq: Muhammad Najib al-Muthi'i. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (2000). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Razi, Fakhr al-Din (1981). *Al-Tafsir al-Kabir Wa Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, Muhammad Bin Jarir (1954). *Tafsir al-Tabari*. Tahqiq: Mahmud Muhammad Syakir & Ahmad Muhammad Syakir. Kaherah: Maktabah Ibnu Taymiyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah (2002). *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr al-Muasisr.
- Foad Mohd Helmi (2002). *Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat*. Utusan Malaysia. 4 Mei 2002.
- Haliza Md Arif et al (2011). *Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies*. 2nd International Conference on Business and Economic Research. Malaysia: Kedah.
- Ibn Qudamah, Ahmad Bin Muhammad (1995). *Al-Mughni*. Tahqiq: Muhammad Syarf al-Din Khattab & Sayyid Muhammad Sayyid. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din (2005). *Majmu'ah al-Fatawa*. Tahqiq: Amir al-Jazar & Anwar al-Baz. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Sanep Ahmad & Zulkifli (2010). *Model Pematuhan dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjaun Teori*. 7th International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqaf Economy. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Islam Hadari dan ILIM.
- Zahri Hamat (2009). *Business Zakat Accounting and Taxation in Malaysia*. Conference on Islamic Perspective on Management and Finance. United Kingdom: University of Leicester
- Zainal A Zuryati et al (2009). *Separate Legal Entity Under Shariah Law and Its Application on Islamic banking in Malaysia: A note*. International Journal of Banking and Finance. Vol 6. Issue No 2.

Laman Web

- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Dilihat pada 25/10/2014. <http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=2&skum=2&posi=1&unit=7&sequ=1>
- Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah. Dilihat pada 17/10/2014. <http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php?lang=en>
- Majlis Agama Islam Johor. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.maij.gov.my/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.e-maik.my/v2/index.php>
- Majlis Agama Islam Selangor. Dilihat pada 14/10/2014. <http://www.mais.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Melaka. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.maim.gov.my/>
- Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Dilihat pada 18/10/2014. www.mainpp.gov.my/
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.maiwp.gov.my/i/>

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Dilihat pada 16/10/2014. <http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php>

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.mains.gov.my/>

Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Dilihat pada 16/10/2014. <http://maik.gov.my/index.php?q=en>

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.muip.gov.my/v3/index.php>

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.maips.gov.my/>

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Dilihat pada 15/10/2014. <http://www.maidam.gov.my/index.php/>

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 31. *Zakat ke atas Syarikat*. Dilihat pada 10/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 60. *Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA)*. Dilihat pada 16/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-angkatan-koperasi-kebangsaan-malaysia-angkasa>

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 76. *Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada Zakat*. Dilihat pada 12/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada-zakat>

Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 101. *Status Kewajipan Zakat ke atas Syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)*. Dilihat pada 20/10/2013. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kewajipan-zakat-ke-atas-syarikat-pelaburan-hartanah-berhad-phb>

Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Dilihat pada 25/10/2014. <http://www.ssm.com.my/en/statistic-total-business-companies>

Akta & Enakmen

Akta Cukai Pendapatan 1967
Akta Syarikat 1965
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 Negeri Johor
Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Johor 2003
Perlembagaan Persekutuan, Pindaan 2009

Temubual

Temubual bersama Encik Jasdi Bin Hassan. Penolong Pengarah Zakat, Wakaf dan Baitulmal MAIJ. 7 Mei 2013

Temubual bersama Encik Johari Bin Abdul Rahim. Eksekutif Zakat Perniagaan MAIJ. 5 Mei 2013